

77

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR**  
**KAWASAN : POKOK SENA**  
**TARIKH : 27 NOVEMBER 2017**  
**NO. SOALAN : 36**

**YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing yang diperolehi oleh Malaysia dan Amerika Syarikat hasil lawatan Perdana Menteri bertemu dengan Presiden Trump pada bulan September 2017 yang lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ingin saya nyatakan di sini bahawa lawatan YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat (AS) pada bulan September 2017 adalah merupakan satu Lawatan Kerja dan ia tidak harus dikelirukan dengan Misi Perdagangan dan Pelaburan. Ini adalah kerana Misi Perdagangan dan Pelaburan mempunyai objektif-objektif khusus untuk mengembangkan perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara yang dikunjungi;

merapatkan perhubungan perniagaan dengan negara-negara yang dikunjungi; serta mempromosi barangan atau perkhidmatan eksport dan import dua hala.

2. Walau bagaimanapun, usaha meningkatkan perdagangan dan pelaburan merupakan salah satu agenda utama semasa Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri ke AS kerana adalah penting bagi Malaysia untuk merapatkan hubungan ekonomi dua hala dengan AS yang merupakan kuasa ekonomi terbesar dunia. Selain itu, AS juga merupakan rakan dagang ketiga terbesar untuk Malaysia dengan jumlah dagangan mencecah RM136 bilion pada tahun lepas.
3. Kerajaan telah mengambil peluang melalui Lawatan Kerja ini untuk meningkatkan profil serta persepsi positif terhadap Malaysia sebagai rakan dagang dan pelaburan dari kaca mata Pentadbiran AS, ahli-ahli Kongres AS dan tokoh-tokoh perniagaan AS terutamanya yang telah melabur di Malaysia. Selain itu, pertemuan juga telah diadakan dengan pemimpin-pemimpin persatuan dan dewan perniagaan *US Chamber of Commerce*; *US-ASEAN Business Council*; dan *National Association of Manufacturers (NAM)* serta syarikat-syarikat AS.
4. Pertemuan dan program bersama tokoh-tokoh korporat dari syarikat multinasional AS telah mencapai objektif-objektif agenda perdagangan dan pelaburan iaitu:
  - i. meyakinkan syarikat-syarikat Amerika Syarikat untuk terus melabur di Malaysia;

- ii. memastikan bahawa pandangan dan pendirian negara diambil kira dalam sebarang perbincangan berkaitan isu-isu perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua pihak;
- iii. mengutarakan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan utama di rantau Asia;
- iv. menyatakan komitmen dan sokongan untuk membantu syarikat-syarikat untuk terus berkembang di Malaysia;
- v. menggalakkan kesalinghubungan antara ahli perniagaan Malaysia dan Amerika Syarikat, kerana Kerajaan menganggap Amerika Syarikat sebagai rakan perdagangan dan pelaburan Malaysia yang penting; dan
- vi. menyampaikan aspirasi dan kedudukan terkini keadaan ekonomi dan politik negara, serta daya tahan ekonomi Malaysia kepada bakal pelabur.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Keputusan berkaitan pelaburan kebiasaannya dilakukan setelah perbincangan diadakan pada beberapa peringkat. Justeru, adalah tidak munasabah untuk mengukur secara muktamad nilai pelaburan yang dibawa masuk hasil daripada Lawatan Kerja ke AS yang singkat.
6. Oleh yang demikian, adalah lebih wajar saya berkongsi mengenai jumlah pelaburan AS di Malaysia sehingga ke hari ini.

7. Syarikat-syarikat AS telah melabur sebanyak RM70 bilion dalam sektor pembuatan Malaysia. Malah mereka juga aktif dalam sektor-sektor lain seperti minyak dan gas, perbankan dan insuran, perkhidmatan serta elektrik dan elektronik. Kira-kira 200,000 rakyat Malaysia kini sedang bekerja di syarikat-syarikat AS yang beroperasi dalam negara kita.
8. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 sahaja, jumlah pelaburan AS yang telah diluluskan adalah sebanyak RM354.1 juta dalam industri elektrik dan elektronik, jentera dan kelengkapan, serta industri peralatan pengukuran dan saintifik. Projek-projek ini menawarkan lebih 1,500 peluang pekerjaan.
9. Firma-firma AS secara amnya mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Sebagai contoh, *2018 ASEAN Business Outlook Survey* yang diterbitkan pada 6 September 2017 antara lainnya menunjukkan sebanyak 63 peratus syarikat AS yang ditemubual menjangkakan pendapatan dari operasi mereka di Malaysia akan bertambah menjelang 2018 dan 57 peratus dari responden juga berhasrat untuk meluaskan operasi sedia ada mereka di Malaysia.
10. Semasa Lawatan Kerja tersebut juga, kita telah berpeluang untuk menunjukkan kepada AS bahawa Malaysia masih kekal sebagai negara yang kompetitif dan mempunyai keupayaan untuk melabur di negara-negara maju seperti AS. Untuk makluman, pelaburan Malaysia di AS menjangkau USD15.5 bilion (RM67 bilion) dalam pelbagai bidang termasuk ekuiti, pembuatan, hospitaliti dan hiburan.

- 81
11. Pelaburan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak USD6 bilion di AS dan hasrat mereka untuk terus melabur di antara USD3 bilion hingga USD4 bilion yang telah dinyatakan semasa Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri ke AS merupakan salah satu contoh keupayaan pelaburan luar negara oleh syarikat Malaysia.
  12. Rakyat Malaysia yang mencarum dengan KWSP sudah tentunya akan menikmati keuntungan daripada pelaburan KWSP tersebut dalam bentuk dividen yang lebih tinggi berbanding sekiranya KWSP hanya melabur di dalam negara yang pasarannya terhad.
  13. Pembelian kapal terbang daripada syarikat Boeing oleh Malaysia Airlines Berhad (MAB) pula merupakan pelaburan jangka panjang MAB, selaras dengan pelan rasionalisasi dan transformasi syarikat tersebut. Dengan pelaburan ini, MAB akan dapat memperkukuhkan kedudukan syarikat penerbangan nasional yang secara tidak langsung akan menyumbang ke arah mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan berkaitan industri penerbangan, pembuatan dan perkhidmatan.
  14. Kita harus berbangga dan yakin dengan pencapaian syarikat-syarikat swasta tempatan yang berkemampuan untuk bersaing di arena global. Di samping itu, usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan Malaysia di luar negara termasuk AS harus dipandang sebagai peluang bagi lebih banyak pulangan pelaburan yang akan disalurkan semula ke negara kita.

Tuan Yang Dipertua,

15. Seperti mana yang kita maklum, antara faktor utama yang dipertimbangkan oleh syarikat-syarikat asing sebelum sebarang keputusan pelaburan dibuat adalah hubungan diplomasi di antara negara asal dan negara tuan rumah. Keyakinan tinggi pelabur-pelabur AS terhadap kekuatan ekonomi negara juga perlu dipelihara supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat disediakan untuk rakyat melalui perluasan operasi mereka di Malaysia.
  
16. Pertemuan di peringkat tertinggi di antara Malaysia dan AS semasa Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri pada bulan September yang lalu jelas menunjukkan betapa pentingnya perhubungan perdagangan dan pelaburan dua hala antara Malaysia dan AS. Ia sudah pastinya meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur AS untuk terus melabur di Malaysia dan harus dipandang sebagai langkah strategik yang akan membawa faedah jangka panjang kepada negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN  
MAIDIN  
[SEPANG]

SOALAN :-

**YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) adakah pihak berkuasa akan mengambil tindakan ke atas Pengetua Sekolah Tahfiz Ittifaqiyyah di Kampung Dato Keramat di atas pendedahan media yang sekolah tersebut dilihat mengkrompomi keselamatan pelajar bila dilaporkan hanya ada satu sahaja pintu keluar masuk dan bangunan masih tidak ada Sijil Layak Menduduki dalam tragedi kebakaran baru-baru ini; dan
- (b) jika ya, apakah bentuk tindakan yang akan diambil, jika tidak, mengapa

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Soalan (a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan terhadap Pengetua Sekolah Tahfiz Ittifaqiyyah di Kampung Dato Keramat adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Subseksyen 70 (27)(S).

Soalan (b)

Berdasarkan kepada subseksyen 70(27)(f), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana individu yang menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan, dan apabila disabitkan didenda ia tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Walau



bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan terhadap Pengetua Pusat Tahfiz Ittifaqiyyah di Kampung Dato Keramat ini hanya boleh dikenakan oleh PBT memandangkan Akta 133, Subseksyen 70 (27)(S) diwartakan oleh Kerajaan Negeri dan dikuatkuasakan oleh PBT.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017